

18/09/1998

PM sedih dengan sikap Anwar

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedih dengan sikap Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyamakan siasatan polis di negara ini dengan ejen perisikan Israel, Mossad.

Menurut Perdana Menteri, jika polis negara ini mengamal sistem keselamatan seperti itu, sudah pasti semua rakyat menderita.

"Kita lihat rakyat di sini seronok bukan main, tak ada apa masalah, mereka boleh buat duit, mereka boleh datang menyaksikan sukan, mereka boleh bergembira.

"Adakah (keadaan) ini seperti negara yang digambarkan?" katanya pada sidang akhbar selepas melawat Stadium Bukit Jalil dan menyaksikan perlumbaan akhir 100m lelaki dan wanita Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL'98), di sini petang ini.

Semalam, Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, menyifatkan Anwar sebagai celupar kerana mendakwa tindakan polis menahan rakan dan bekas kakitangannya sama dengan taktik ejen Mossad, badan perisikan Israel yang terkenal dengan kebolehannya mengumpul maklumat untuk menghapuskan musuh negara.

Menjawab dakwaan Anwar bahawa beliau mempunyai bukti di luar negara mengenai pelbagai dakwaan yang dituju kepada kerajaan, Dr Mahathir berkata:

"OK, tunjukkan (kalau) ada bukti, kita tak ada masalah. Dia boleh membuktikan apa sahaja yang disukai."

Mengenai tindakan Anwar mengadakan `jelajah reformasi' di luar Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata itu adalah hak Anwar.

"Tetapi jangan awal-awal lagi kata mahkamah tak adil, ini adalah satu daripada cara dia mengelak diri, dia akan kata `kita tahu dah ini mahkamah tidak adil, ada konspirasi'," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, Anwar menyusun strategi dengan memastikan ramai orang disekelilingnya dan dengan itu polis sukar untuk menahan serta mendakwanya di mahkamah.

"Ini adalah strategi yang digunakannya, jadi dia fikir apabila didakwa nanti semua pengikutnya akan turut serta di mahkamah dan mencetus kekacauan atau dalam erti kata lain dia tidak menghormati mahkamah.

"Apa yang ingin dilakukannya adalah untuk menggunakan tekanan seperti ini bagi menyekat polis daripada mengambil tindakan undang-undang," katanya.

Ditanya mengenai desakan supaya mengharamkan buku *The Story of Singapore: Memoirs of Lee Kuan Yew*, yang ditulis sendiri oleh bekas Perdana Menteri Singapura itu, Dr Mahathir berkata penjualan buku itu tidak akan dilarang kerana Malaysia sebuah negara bebas.

"Anda boleh kata apa yang anda mahu, tetapi perlu ingat apa yang anda buat ialah membangkitkan perasaan orang ramai, menjadikan mereka sangat marah," katanya.

Dr Mahathir berkata, tindakan seperti itu `menjadikan sukar bagi kita menjalin hubungan baik dengan Singapura.'

Ditanya sama ada rakyat Malaysia perlu mengabaikan buku Lee itu, beliau berkata: "Kita boleh mengabaikannya tetapi perasaan mereka ... jika anda memperkecilkan pemimpin-pemimpin seperti Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak, pasti mereka tidak senang dengannya."

(END)